



جهاز احوال ائمة اسلام نكروني سابه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

Tingkat 3, 9 & 10, Blok A, Wisma MUIS,

Beg Berkunci 103, 88737 Kota Kinabalu

Tel: 088-522222

Faks: 088-239415



Bil.: BILJHEAINS:BPWD:100-4 KLT 12 (57)
24 NOVEMBER 2020 / 08 RABIULAKHIR 1442H

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah
Semua Pengerusi Masjid / Surau

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh

Tuan/Puan,

KEBENARAN PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU SELURUH ZON NEGERI SABAH KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 25 NOVEMBER 2020 SEHINGGA 06 DISEMBER 2020

Dengan hormatnya saya merujuk Keputusan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah Bil. No. Ruj: JKM (S). 100-4/66 bertarikh 24 November 2020 dan Kenyataan Mufti Negeri Sabah Bil. PMNS:600-4/1 Jilid 10 bertarikh 24 November 2020M/08 Rabiulakhir 1442H berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan dengan sukacitanya, Jabatan ini bersetuju mengambil ketetapan membenarkan pelaksanaan aktiviti di masjid dan surau di seluruh zon negeri Sabah ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa pada 25 November 2020M / 09 Rabiulawal 1442H hingga 06 Disember 2020 bersamaan 20 Rabiulakhir 1442H seperti berikut:-

- 2.1 Aktiviti di masjid dan surau dibenarkan untuk melaksanakan solat berjemaah lima waktu dan solat Jumaat bermula pada 25 November 2020/9 Rabiulakhir 1442H hingga 6 Disember 2020/ 20 Rabiulakhir 1442H kepada masjid dan surau di semua zon negeri Sabah;
- 2.2 Bilangan jemaah solat lima waktu di masjid dan surau yang dibenarkan bagi zon hijau dan kuning adalah 40 orang, manakala bilangan jemaah solat Jumaat adalah 1/3 kapasiti dewan solat utama masjid dan surau;
- 2.3 Bilangan Jemaah solat lima waktu di masjid dan surau yang dibenarkan bagi zon merah dan jingga pula adalah 30 orang sahaja, manakala bilangan Jemaah solat Jumaat adalah 40 orang sahaja;
- 2.4 Ahli Jemaah masjid dan surau adalah dianjurkan membaca surah *Yasin* selepas selesai solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat dengan niat memohon kepada Allah SWT agar negeri Sabah khususnya dan Malaysia amnya dijauhi segala bencana dan malapetaka khususnya covid-19;
- 2.5 Aktiviti di masjid dan surau selain solat berjemaah dan solat Jumaat serta membaca surah *Yasin* adalah tidak dibenarkan dalam tempoh tarikh yang dikuatkuasakan;

....2/

KEBENARAN PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU SELURUH ZON KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 25 NOVEMBER 2020 SEHINGGA 06 DISEMBER 2020 BILHEAINS:BPWD:100-4 KLT 12 (57) 24 NOVEMBER 2020 / 08 RABIULAKHIR 1442H

- 2.6 Masjid dan surau yang terpilih hendaklah dibuka mengikut masa yang ditetapkan bagi orang yang bermusafir atau orang awam yang ingin melaksanakan solat fardhu lima waktu dengan menjaga disiplin diri dan mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh pihak berwajib; dan
- 2.7 Semua masjid dan surau yang berkenaan hendaklah melaksanakan semua garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa dan yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib.


3. Kebenaran aktiviti solat berjemaah lima waktu dan solat Jumaat di seluruh negeri Sabah ketika PKPB dalam tempoh yang ditetapkan mengambil kira peranan institusi masjid dan surau sebagai sebuah tempat yang mulia dan amat perlu diimarahkan bagi memertabatkan syiar Islam di negeri ini. Di samping itu, masjid dan surau merupakan tempat yang amat baik dan sesuai di sisi agama bagi orang Islam bermunajat dan *khudu'* dan *towadu'* kepada Allah SWT agar negeri Sabah ini khususnya dan Malaysia amnya dijauhi segala musibah terutama covid-19 yang melanda di negeri Sabah ini, justeru itu umat Islam disarankan membaca Doa Qunut Nazilah setiap solat lima waktu dan solat Jumaat.

4. Sehubungan dengan ini, mohon tuan/puan untuk menyelaras pematuhan keputusan tersebut. Surat Edaran JHEAINS yang lalu adalah terbatal dengan ketetapan baharu ini. Kepada Allah SWT jua kita berserah.

Sekian dan harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SABAH MAJU JAYA"

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(DATUK HAJI SAIFULZAMAN BIN SANGUL)
PENGARAH
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

s.k: YB Datuk Menteri Tugas-Tugas Khas
YB DSP SKN
Pengerusi JK Pengurusan Bencana Covid-19 Negeri Sabah

YBhg DSP YDP MUIS

SS Datuk Mufti
Kerajaan Negeri Sabah

YBhg Pengarah Keselamatan Negeri
Majlis keselamatan Negeri, Negeri Sabah